

26 OCT 2003

PPP-MCA/I

HUBUNGAN SAYA DENGAN ONG KA TING MASIH BOLEH DIBAIKI - KATA KAYVEAS

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M. Kayveas berkata hubungannya dengan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting agak dingin.

"Saya tidak punyai hubungan yang baik dengan Ong Ka Ting semasa saya menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan. Kami berdiam diri antara satu sama lain, kami tidak cakap banyak," katanya kepada pemberita semasa diminta mengulas mengapa pemimpin kanan MCA tidak hadir pada majlis perasmian Perhimpunan Agung ke-50 PPP di sini hari ini.

"Mungkin kami tidak berkongsi minat yang sama. Saya tidak tahu sekiranya dia bermain golf, tapi saya tidak main golf," katanya.

Bagaimanapun, Kayveas berkata kedua-dua pemimpin boleh membaiki hubungan yang dingin itu dan menekankan bahawa beliau mempunyai hubungan kerja yang baik dengan pemimpin MCA sebelum ini, termasuk sayap pergerakan Pemuda parti itu.

Sementara itu dalam ucapan penggulungannya pada perhimpunan itu, Kayveas memberitahu para delegasi bahawa parti itu akan memberikan kebebasan kepada Barisan Nasional (BN) untuk menentukan peruntukkan kerusi yang akan diberikan kepada parti itu bagi pilihan raya akan datang.

"Para pemimpin Barisan Nasional lebih mengetahui kedudukan serta harapan calon-calon BN terutama di kawasan-kawasan baru. Pemilihan calon akan dibuat secara konsensus dan saya yakin harapan PPP tidak akan tinggal harapan.

"Yang pasti PPP berazam untuk teruskan usaha gigih menyokong BN untuk menang. Kita mempunyai kekuatan dan kita pasti akan membawa kejayaan kepada BN," beliau berkata.

Semasa perbahasan, lebih 3,000 delegasi sebulat suara meluluskan 12 resolusi, kebanyakannya bertumpu kepada isu-isu sosial dan pendidikan.

PPP juga turut meluluskan satu resolusi untuk memberi penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangan besar beliau kepada negara.

-- BERNAMA

VP HK AZH